



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN BANCİ PERTANIAN 2024 WİLAYAH PERSEKUTUAN

**Pertanian Bandar Semakin Berkembang: Statistik Banci Perkukuh
Keterjaminan Makanan Wilayah Persekutuan dengan
Nilai RM281.46 juta**

WİLAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, 16 APRIL 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Laporan Banci Pertanian 2024 Wilayah Persekutuan yang memperkenalkan parameter baharu sektor pertanian merangkumi pendapatan, perbelanjaan serta gaji dan upah bagi tahun rujukan 2023. Selain itu, laporan ini turut menyediakan parameter terkini berkaitan pegangan pertanian, keluasan bertanam dan bertuai, kuantiti pengeluaran dan jualan, nilai jualan serta guna tenaga.

Dapatan ini adalah hasil daripada Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan bermula 7 Julai 2024 hingga 31 Oktober 2024 melalui kerjasama yang meluas dan strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi berkaitan pertanian di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Antara kementerian dan agensi utama yang terlibat ialah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) serta Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI). Di peringkat Wilayah Persekutuan, terdapat empat (4) agensi terlibat sama iaitu Jabatan Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan, serta Perbadanan Putrajaya.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (W.P. Kuala Lumpur) merekodkan 1,758 pegangan pertanian, di mana 81.2 peratus atau 1,428 merupakan pegangan individu dan 330 (18.8%) adalah pegangan pertubuhan. Profil terkini menunjukkan bahawa subsektor tanaman mendominasi pegangan pertanian dengan jumlah 1,746 pegangan (1,439 pegangan individu). Sementara itu, penyertaan dalam subsektor lain adalah ternakan (6 pegangan individu), akuakultur (16 pegangan individu) serta subsektor perhutanan & pembalakan (4 pegangan pertubuhan). Jumlah kawasan bertanam bagi subsektor tanaman direkodkan seluas 23.1 hektar, dengan sayur-sayuran menyumbang kawasan tanaman terbesar iaitu 17.2 hektar, diikuti oleh tanaman lain (4.8 hektar) dan buah-buahan (1.1 hektar). Jumlah nilai jualan bagi subsektor tanaman dan akuakultur masing-masing berjumlah RM3.21 juta dan RM21.37 juta. Ini diikuti oleh subsektor perhutanan & pembalakan (RM4.49 juta) dan subsektor ternakan (RM38.41 ribu).

Seterusnya, Wilayah Persekutuan Labuan (W.P. Labuan) mencatatkan 766 pegangan pertanian, di mana 95.6 peratus (732) merupakan pegangan individu dan 4.4 peratus (34) adalah pegangan pertubuhan. Subsektor tanaman menyumbang 568 pegangan pertanian (549 pegangan individu; 19 pegangan pertubuhan), diikuti oleh subsektor ternakan (56 pegangan individu), aktiviti perikanan tangkapan (303 pegangan individu) dan aktiviti akuakultur (7 pegangan individu). Jumlah kawasan bertanam bagi subsektor tanaman menyumbang seluas 317.9 hektar, di mana buah-buahan mencatatkan kawasan bertanam terbesar iaitu 254.9 hektar, diikuti oleh sayur-sayuran (45.5 hektar), tanaman lain (12.8 hektar) dan nanas (4.7 hektar). Jumlah nilai jualan bagi subsektor tanaman berjumlah RM13.6 juta, manakala subsektor perikanan tangkapan dan akuakultur masing-masing merekodkan RM208.61 juta dan RM4.15 juta.

Sementara itu, Wilayah Persekutuan Putrajaya (W.P. Putrajaya) merekodkan 176 pegangan pertanian, di mana 94.3 peratus (166) merupakan pegangan individu dan 5.7 peratus (10) adalah pegangan pertubuhan. Profil terkini menunjukkan bahawa subsektor tanaman merangkumi 188 pegangan pertanian, termasuk 178 pegangan individu, diikuti oleh empat (4) pegangan individu dalam subsektor ternakan. Jumlah kawasan bertanam bagi subsektor tanaman adalah seluas 12.2 hektar. Sayur-sayuran mencatatkan kawasan bertanam terbesar iaitu 7.7 hektar, diikuti oleh nanas (1.9 hektar), tanaman lain (1.3 hektar) dan buah-buahan

(1.3 hektar). Jumlah nilai jualan bagi subsektor tanaman dan ternakan masing-masing berjumlah RM1.28 juta dan RM104,660.

Prestasi Pendapatan

Pendapatan sektor pertanian bagi W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2023 berjumlah RM32.32 juta, dengan subsektor akuakultur merupakan penyumbang terbesar iaitu RM22.89 juta (70.8%). Ini diikuti oleh subsektor perhutanan & pembalakan dengan sumbangan RM5.20 juta (16.1%), subsektor berjumlah tanaman RM4.15 juta (12.9%) dan subsektor ternakan berjumlah RM69.66 ribu (0.2%). Komponen pendapatan yang dilaporkan dalam Banci Pertanian 2024 merangkumi nilai jualan daripada aktiviti pertanian, perkhidmatan yang diberikan kepada pihak lain, produk pertanian yang diproses serta pendapatan lain yang berkaitan dengan aktiviti pertanian.

Pegangan pertubuhan mencatat RM31.43 juta dengan sumbangan 97.2 peratus daripada jumlah pendapatan, manakala pegangan individu mencatatkan RM891.30 ribu (2.8%). Pegangan pertubuhan dalam subsektor tanaman menjana RM3.53 juta, mewakili 85.0 peratus, diikuti oleh RM624.21 ribu (15.0%) oleh pegangan individu. Pendapatan dalam subsektor ini disumbangkan oleh sayur-sayuran yang mencatatkan RM2.81 juta, diikuti oleh tanaman lain (RM1.26 juta) dan buah-buahan (RM82.02 ribu).

Pendapatan dalam subsektor ternakan dijana oleh pegangan individu berjumlah RM62,067 (89.1%) dan pegangan pertubuhan RM7,597 (10.9%). Sebaliknya, subsektor akuakultur didominasi oleh pegangan pertubuhan yang menyumbang RM22.69 juta (99.1%), manakala pegangan individu menyumbang RM205.02 ribu (0.9%). Pendapatan subsektor perhutanan & pembalakan disumbangkan oleh pegangan pertubuhan berjumlah RM5.20 juta.

Sementara itu, pendapatan pertanian bagi W.P. Labuan mencatatkan RM247.14 juta, dengan subsektor perikanan tangkapan direkodkan sebagai penyumbang utama pada RM217.16 juta, mewakili 87.9 peratus daripada jumlah pendapatan. Ini diikuti oleh subsektor tanaman yang menyumbang RM16.37 juta (6.6%), ternakan pada RM9.39 juta (3.8%) dan akuakultur pada RM4.22 juta (1.7%). Pegangan pertubuhan menyumbang RM209.67 juta (84.8%) manakala pegangan individu berjumlah RM37.47 juta (15.2%).

Pegangan individu dalam subsektor tanaman menyumbang RM12.25 juta (74.8%), manakala pegangan pertubuhan menyumbang RM4.12 juta (25.2%). Pendapatan dalam subsektor ini disumbangkan oleh buah-buahan (RM9.14 juta), diikuti oleh sayur-sayuran (RM5.73 juta), tanaman lain (RM999,043) dan nanas (RM502,718). Dalam subsektor ternakan, pegangan pertubuhan merupakan penyumbang utama berjumlah RM7.99 juta (85.1%) berbanding pegangan individu (RM1.40 juta; 14.9%). Begitu juga dalam subsektor perikanan tangkapan, pegangan pertubuhan mendominasi dengan RM193.45 juta (89.1%), manakala pegangan individu menyumbang RM23.71 juta (10.9%). Subsektor akuakultur mencatatkan RM4.11 juta (97.4%) oleh pegangan pertubuhan dan RM108,335 (2.6%) oleh pegangan individu.

Jumlah pendapatan W.P. Putrajaya berjumlah RM2.01 juta pada tahun 2023, dengan subsektor tanaman sebagai penyumbang terbesar pada RM1.89 juta (94.4%), diikuti oleh subsektor ternakan iaitu RM113,160 (5.6%). Pegangan individu mencatatkan RM1.61 juta, mewakili 80.1 peratus daripada jumlah pendapatan, manakala pegangan pertubuhan mencatatkan RM399,996 (19.9%). Pegangan individu dalam subsektor tanaman menyumbang RM1.52 juta (80.4%), diikuti oleh pegangan pertubuhan iaitu RM371,636 (19.6%). Pendapatan subsektor tanaman sebahagian besarnya didorong oleh sayur-sayuran yang mencatatkan RM1.21 juta, diikuti oleh tanaman lain (RM275,675), buah-buahan (RM222,965) dan nanas (RM190,127). Pendapatan bagi subsektor ternakan disumbangkan oleh pegangan individu dengan RM84,800 (74.9%) dan pegangan pertubuhan RM28,360 (25.1%).

Perbelanjaan

Perbelanjaan sektor pertanian bagi W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2023 berjumlah RM8.98 juta. Subsektor akuakultur mencatatkan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM4.25 juta (47.3%), diikuti oleh subsektor perhutanan & pembalakan pada RM3.05 juta (33.9%), tanaman pada RM1.63 juta (18.1%) dan ternakan pada RM59,800 (0.7%). Jumlah perbelanjaan merujuk kepada keseluruhan kos yang ditanggung bagi input langsung dalam aktiviti pertanian, termasuk pengangkutan, penyelenggaraan dan perbelanjaan operasi berkaitan lain.

Perbelanjaan tersebut sebahagian besarnya disumbang oleh pegangan pertubuhan yang merekodkan 94.8 peratus (RM8.52 juta), manakala 5.2 peratus (RM464,796) oleh pegangan individu. Perbelanjaan subsektor tanaman sebahagian besarnya

disumbangkan oleh pegangan pertubuhan iaitu RM1.40 juta (85.7%) berbanding pegangan individu (RM232,731; 14.3%). Sayur-sayuran mencatatkan perbelanjaan tertinggi pada RM1.02 juta, diikuti oleh tanaman lain (RM586,251) dan buah-buahan (RM20,136).

Sementara itu, perbelanjaan bagi subsektor ternakan sebahagian besarnya disumbangkan oleh pegangan individu iaitu RM53,091 (88.8%) dan pegangan pertubuhan menyumbang RM6,709 (11.2%). Bagi subsektor akuakultur, perbelanjaan direkodkan oleh pegangan pertubuhan berjumlah RM4.07 juta (95.8%) dan pegangan individu (RM178,974; 4.2%). Perbelanjaan bagi subsektor perhutanan & pembalakan direkodkan oleh pegangan pertubuhan berjumlah RM3.05 juta.

Seterusnya, jumlah perbelanjaan sektor pertanian bagi W.P. Labuan merekodkan RM137.15 juta pada tahun 2023, mewakili 88.8 peratus (RM121.76 juta) oleh pegangan pertubuhan dan 11.2 peratus (RM15.39 juta) oleh pegangan individu. Subsektor perikanan tangkapan menyumbang RM123.46 juta (90.0%), diikuti oleh ternakan (RM6.35 juta; 4.6%), tanaman (RM6.07 juta; 4.4%) dan aktiviti akuakultur (RM1.26 juta; 0.9%).

Dalam subsektor tanaman, perbelanjaan terutamanya disumbangkan oleh pegangan individu iaitu RM4.63 juta (76.2%) dan pegangan pertubuhan iaitu RM1.44 juta (23.8%). Buah-buahan mencatatkan perbelanjaan tertinggi RM3.57 juta, diikuti oleh sayur-sayuran (RM1.78 juta), tanaman lain (RM487,905) dan nanas (RM231,191).

Perbelanjaan subsektor ternakan menyumbang RM5.81 juta (91.4%) oleh pegangan pertubuhan, manakala pegangan individu menyumbang RM548,883 (8.6%). Selain itu, perbelanjaan pegangan pertubuhan dan pegangan individu bagi subsektor perikanan tangkapan masing-masing menyumbang RM113.28 juta (91.8%) dan RM10.18 juta (8.2%). Perbelanjaan subsektor akuakultur direkodkan oleh pegangan pertubuhan pada RM1.23 juta (97.4%), manakala pegangan individu menyumbang RM33.24 ribu (2.6%).

Sementara itu, perbelanjaan bagi W.P. Putrajaya berjumlah RM774,704 pada tahun 2023, disumbangkan sebanyak 77.9 peratus (RM603,440) oleh pegangan individu, manakala 22.1 peratus (RM171,264) oleh pegangan pertubuhan. Subsektor tanaman mencatatkan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM753,551 (97.3%), diikuti oleh

subsektor ternakan (RM21,153; 2.7%). Dalam subsektor tanaman, perbelanjaan direkodkan oleh pegangan individu (RM590,348; 78.2%) dan pegangan pertubuhan (RM163,203; 21.7%). Sayur-sayuran mencatatkan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM373,487, diikuti oleh tanaman lain (RM182,672), nanas (RM108,429) dan buah-buahan (RM88,963). Perbelanjaan dalam subsektor ternakan disumbangkan oleh pegangan individu (RM13,092; 61.9%) dan pegangan pertubuhan (RM8,061; 38.1%).

Guna Tenaga dan Gaji & Upah

Jumlah guna tenaga sektor pertanian di W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2023 direkodkan sebanyak 276 orang, mewakili 171 orang (62.0%) oleh pegangan individu dan 105 orang (38.0%) oleh pegangan penubuhan. Sebanyak 59.8 peratus atau 165 orang merupakan pemilik aktif dan rakan kongsi perniagaan, diikuti oleh 65 orang pekerja bergaji (23.6%). Baki 46 orang (16.7%) merupakan pekerja keluarga tidak bergaji. Purata gaji dan upah tahunan berjumlah RM23,236.

Jumlah guna tenaga dalam sektor pertanian di W.P. Labuan direkodkan sebanyak 2,454 orang pada tahun 2023, dengan 2,131 orang (86.8%) terlibat dalam pegangan individu dan 323 orang (13.2%) dalam pegangan penubuhan. Pemilik aktif dan rakan kongsi perniagaan menyumbang 58.4 peratus atau 1,432 orang, diikuti oleh 874 orang pekerja bergaji (35.6%) dan 148 orang pekerja keluarga tidak bergaji (6.0%). Purata gaji dan upah tahunan direkodkan pada RM19,623.

Sementara itu, guna tenaga dalam sektor pertanian di W.P. Putrajaya menyumbang sebanyak 180 orang, dengan 136 orang (75.6%) oleh pegangan individu dan 44 orang (24.4%) oleh pegangan penubuhan. Sumbangan sebanyak 57.2 peratus atau 130 orang direkodkan oleh pemilik aktif dan rakan kongsi perniagaan, diikuti oleh pekerja keluarga tidak bergaji dan pekerja bergaji masing-masing seramai 40 orang (22.2%) dan 37 orang (20.6%). Purata gaji dan upah tahunan direkodkan pada RM13,196.

Melangkah Ke hadapan

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, DOSM turut membangunkan Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, pada 7 Disember 2025. Inisiatif ini

merupakan satu langkah strategik dalam transformasi pengurusan data pertanian negara melalui pembangunan sebuah platform pintar bersepadu yang menggabungkan hasil banci, data pentadbiran dan maklumat rantai bekalan ke dalam satu ekosistem digital bersepadu.

Sektor pertanian di Wilayah Persekutuan memperlihatkan ciri-ciri yang unik dan dinamik dalam persekitaran bandar di mana ketersediaan tanah adalah terhad, namun kaya dengan potensi untuk inovasi dan penciptaan nilai. Oleh yang demikian, pembangunan sektor ini perlu didorong oleh transformasi berasaskan teknologi, termasuk pertanian pintar, sistem fertigasi, pertanian menegak dan automasi, bagi meningkatkan produktiviti serta menarik penyertaan yang lebih besar daripada golongan belia dan komuniti bandar. Pada masa yang sama, subsektor berpotensi tinggi seperti akuakultur dan perikanan tangkapan perlu diperkukuhkan lagi melalui pelaburan strategik, pengembangan rantai nilai dan peningkatan akses pasaran. Aktiviti pertanian berskala kecil juga perlu terus diberdayakan sebagai model berasaskan komuniti yang menyokong keterjaminan makanan, kesejahteraan sosial dan kemampanan alam sekitar. Penggunaan data granular daripada Banci Pertanian 2024, bersama-sama dengan TaniStats 2.0, akan membolehkan perancangan dan pelaksanaan dasar yang lebih tepat, berasaskan bukti dan bersasar. Ini akan meningkatkan kecekapan peruntukan sumber dan impak program pembangunan, seterusnya meletakkan sektor pertanian di Wilayah Persekutuan sebagai ekosistem pertanian bandar yang moden, berdaya saing, inklusif dan mampan.

Banci Pertanian akan dilaksanakan sekali pada setiap 10 tahun bagi memastikan data adalah relevan dan menggambarkan struktur sektor pertanian negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Disember hingga 31 November 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan

oleh *Open Data Watch (ODW)*, mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 APRIL 2026

LAMPIRAN 1


JADUAL 1: PENDAPATAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, WILAYAH PERSEKUTUAN, 2023

DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PENDAPATAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PENDAPATAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PENDAPATAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
W.P. Kuala Lumpur	32.32	Akuakultur	22.89	Perhutanan & Pembalakan	5.20	Sayur-Sayuran	2.81
W.P. Labuan	247.14	Perikanan	217.16	Ternakan	9.39	Buah-Buahan	9.14
W.P. Putrajaya	2.01	Sayur-Sayuran	1.21	Tanaman Lain	0.28	Buah-Buahan	0.22


JADUAL 2: PERBELANJAAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, WILAYAH PERSEKUTUAN, 2023

DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PERBELANJAAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PERBELANJAAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PERBELANJAAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
W.P. Kuala Lumpur	8.98	Akuakultur	4.25	Perhutanan & Pembalakan	3.05	Sayur-Sayuran	1.02
W.P. Labuan	137.15	Perikanan	123.46	Ternakan	6.35	Buah-Buahan	3.57
W.P. Putrajaya	0.77	Sayur-Sayuran	0.37	Tanaman Lain	0.18	Nanas	0.11


**Paparan 1: Parameter Utama Sektor Pertanian,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2023**




Paparan 2: Parameter Utama Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2023




**Paparan 3: Parameter Utama Sektor Pertanian,
Wilayah Persekutuan Labuan, 2023**




Paparan 4: Parameter Utama Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan
Wilayah Persekutuan Labuan, 2023



**Paparan 5: Parameter Utama Sektor Pertanian,
Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2023**



Paparan 6: Parameter Utama Guna Tenaga dan Purata Gaji & Upah Tahunan
Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2023





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

AGRICULTURE CENSUS 2024 REPORT: FEDERAL TERRITORIES

Urban Agriculture on the Rise: Census Statistics Strengthen Food Security in the Federal Territories with the Value of RM281.46 million

KUALA LUMPUR FEDERAL TERRITORY, 16TH APRIL 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the Agriculture Census 2024 Report for Federal Territories, introducing new parameters for the agriculture sector, including income, expenditure and salaries and wages for the reference year 2023. The report also provides the latest parameters on agricultural holdings, planted and harvested areas, production and sales quantities, sales value and employment.

These findings are derived from the Agriculture Census 2024, conducted from 7th July 2024 to 31st October 2024 through extensive and strategic collaboration between DOSM and 1,390 agriculture-related agencies at the federal, state and district levels. Key ministries and agencies involved include the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), the Ministry of Plantation and Commodities (KPK), the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES), the Sarawak Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development (M-FICORD) and the Sabah Ministry of Agriculture, Fisheries and Food Industry (MAFFI). At the Federal Territories level, four (4) agencies are involved namely Federal Territory Department, Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Labuan Corporation and Putrajaya Corporation.

Kuala Lumpur Federal Territory (W.P. Kuala Lumpur) recorded 1,758 agricultural holdings accounting 81.2 per cent or 1,428 were individual holdings and 330 (18.8%)

were establishment holdings. The updated profile further indicates the crops subsector dominated agricultural holdings at 1,746, (1,439 individual holdings). Meanwhile, participation in other subsectors was in livestock (6 individual holdings), aquaculture (16 individuals holdings) and forestry & logging subsector (4 establishment holdings). The total planted area for crops subsector recorded 23.1 hectares, with vegetables contributed the largest planted area at 17.2 hectares, followed by other crops (4.8 hectares) and fruits (1.1 hectares). The total sales value for crops and aquaculture subsector amounted RM3.21 million and RM21.37 million respectively. This was followed by the forestry & logging subsector (RM4.49 million) and livestock subsector (RM38.41 thousand).

Subsequently, the Federal Territory of Labuan (W.P. Labuan) registered 766 agricultural holdings, representing 95.6 per cent (732) were individual holdings and 4.4 per cent (34) were establishment holdings. The crops subsector accounted 568 agricultural holdings (549 individual holdings; 19 establishment holdings), followed by livestock subsector (56 individual holdings), capture fisheries activities (303 individual holdings), and aquaculture activities (7 individual holdings). The total planted area for the crop subsector contributed 317.9 hectares which fruit recorded the largest planted area at 254.9 hectares, followed by vegetables (45.5 hectares), other crops (12.8 hectares), and pineapple (4.7 hectares). The total sales value for crop subsector amounted RM13.6 million, while the capture fisheries and aquaculture subsector recorded RM208.61 million and RM4.15 million respectively.

Meanwhile, the Federal Territory of Putrajaya (W.P. Putrajaya) recorded 176 agricultural holdings, accounting for 94.3 per cent (166) were individual holdings and 5.7 per cent (10) were establishment holdings. The updated profile further indicates that the crops subsector comprised 188 agricultural holdings, including 178 individual holdings, followed by four (4) individual holdings in livestock subsector. The total planted area for crop subsector amounted 12.2 hectares. Vegetables recorded the largest planted area at 7.7 hectares, followed by pineapple (1.9 hectares), other crops (1.3 hectares) and fruits (1.3 hectares). The total sales value for crop and livestock subsector amounted RM1.28 million and RM104,660 respectively.

Income Performance

The income of agricultural sector for W.P. Kuala Lumpur in 2023 amounted RM32.32 million, with the aquaculture subsector contributed as the largest contributor at RM22.89 million (70.8%). This was followed by the forestry & logging subsector recorded RM5.20 million (16.1%), the crops subsector at RM4.15 million (12.9%), and the livestock subsector at RM69.66 thousand (0.2%). The income components reported in the Agricultural Census 2024 includes sales value from agricultural activities, services rendered to others, processed agricultural products, as well as other agriculture-related income.

Establishment holdings accounted RM31.43 million with a share of 97.2 per cent from the total income, while individual holdings recorded RM891.30 thousand (2.8%). Establishment holdings in crop subsector generated RM3.53 million, representing 85.0 per cent, followed by RM624.21 thousand (15.0%) by individual holdings. The income in this subsector was contributed by vegetables which recorded RM2.81 million, followed by other crops (RM1.26 million), fruits (RM82.02 thousand).

The income in livestock subsector was generated by individual holdings amounted RM62,067 (89.1%), and establishment holdings at RM7,597 (10.9%). In contrast, the aquaculture subsector was dominated establishment holdings, which contributed RM22.69 million (99.1%), while individual holdings contributed RM205.02 thousand (0.9%). The forestry & logging subsector's income contributed by establishment holdings amounting RM5.20 million.

Meanwhile, the agricultural income for W.P. Labuan registered RM247.14 million, with capture fisheries subsector recorded as the main contributor at RM217.16 million, representing 87.9 per cent of the total income. This was followed by crop subsector contributed RM16.37 million (6.6%), livestock at RM9.39 million (3.8%), and aquaculture at RM4.22 million (1.7%). The establishment holdings contributed RM209.67 million (84.8%) and the individual holdings accounted RM37.47 million (15.2%).

The individual holdings in crop subsector accounted RM12.25 million (74.8%), while establishment holdings contributed RM4.12 million (25.2%). Income in this subsector was contributed by fruits (RM9.14 million), followed by vegetables (RM5.73 million),

other crops (RM999,043) and pineapple (RM502,718). In the livestock subsector, establishment holdings were the main contributors at RM7.99 million (85.1%) as compared to individual holdings (RM1.40 million; 14.9%). Similarly, in the capture fisheries subsector, establishment holdings dominated with RM193.45 million (89.1%), while individual holdings contributed RM23.71 million (10.9%). The aquaculture subsector registered RM4.11 million (97.4%) by establishment holdings, and RM108,335 (2.6%) by individual holdings.

Total income of W.P. Putrajaya amounted to RM2.01 million in 2023, with the crop subsector as the largest contributor at RM1.89 million (94.4%), followed by the livestock subsector at RM113,160 (5.6%). Individual holdings recorded RM1.61 million, representing 80.1 per cent of total income, while establishment holdings recorded RM399,996 (19.9%). The individual holdings of crops subsector accounted RM1.52 million (80.4%), followed by establishment holdings at RM371,636 (19.6%). The crop subsector income was largely driven by vegetable, which recorded RM1.21 million, followed by other crops (RM275,675), fruits (RM222,965) and pineapple (RM190,127). The income for livestock subsector was contributed by individual holdings at RM84,800 (74.9%) and establishment holdings at RM28,360 (25.1%).

Expenditure

The expenditure of agriculture sector for W.P. Kuala Lumpur in 2023 amounted RM8.98 million. The aquaculture subsector recorded the highest expenditure amounted RM4.25 million (47.3%), followed by the forestry & logging subsector at RM3.05 million (33.9%), crops at RM1.63 million (18.1%) and livestock at RM59,800 (0.7%). Total expenditure refers to the overall costs incurred for direct inputs in agricultural activities, including transportation, maintenance, and other related operational expenses.

The expenditure was largely contributed by the establishment holdings which recorded 94.8 per cent (RM8.52 million), while 5.2 per cent (RM464,796) by individual holdings. The expenditure in crop subsector was largely driven by establishment holdings at RM1.40 million (85.7%) as compared to individual holdings (RM232,731; 14.3%). Vegetable recorded the highest expenditure at RM1.02 million, followed by other crops (RM586,251) and fruits (RM20,136).

Meanwhile, the livestock subsector expenditure was largely contributed by individual holdings at RM53,091 (88.8%) and the establishment holdings contributed RM6,709 (11.2%). In aquaculture subsector, the expenditure was recorded by establishment holdings at RM4.07 million (95.8%) and the individual holdings (RM178,974; 4.2%). The expenditure for forestry & logging subsector was recorded by establishment holdings amounting RM3.05 million.

Subsequently, total expenditure of agricultural sector for W.P. Labuan was recorded RM137.15 million in 2023, representing of 88.8 per cent (RM121.76 million) by establishment holdings and 11.2 per cent (RM15.39 million) by individual holdings. The capture fisheries subsector accounted RM123.46 million (90.0%), followed by livestock (RM6.35 million; 4.6%), crops (RM6.07 million; 4.4%) and aquaculture activities (RM1.26 million; 0.9%).

Within the crop subsector, the expenditure was mainly contributed by individual holdings at RM4.63 million (76.2%) and the establishment holdings at RM1.44 million (23.8%). Fruits recorded the highest expenditure at RM3.57 million, followed by vegetables (RM1.78 million), other crops (RM487,905) and pineapple (RM231,191).

The livestock subsector expenditure contributed RM5.81 million (91.4%) by establishment holdings, while individual holdings accounted RM548,883 (8.6%). In addition, the expenditure of establishment and individual holdings for the capture fisheries subsector accounted RM113.28 million (91.8%) and RM10.18 million (8.2%) respectively. The aquaculture subsector expenditure was recorded by establishment holdings at RM1.23 million (97.4%), while individual holdings contributed RM33.24 thousand (2.6%).

Meanwhile, the expenditure for W.P. Putrajaya amounted RM774,704 in 2023 contributed 77.9 per cent (RM603,440) by individual holdings, while 22.1 per cent (RM171,264) by establishment holdings. The crop subsector recorded the highest expenditure amounted RM753,551 (97.3%), followed by the livestock subsector (RM21,153; 2.7%). Within the crop subsector, the expenditure was recorded by individual holdings (RM590,348; 78.2%) and establishment holdings (RM163,203; 21.7%). Vegetables recorded the highest expenditure amounted RM373,487, followed by other crops (RM182,672), pineapple (RM108,429) and fruits (RM88,963). The expenditure in livestock subsector was contributed by individual holdings (RM13,092;

61.9%) and establishment holdings (RM8,061; 38.1%).

Employment and Wages & Salaries

The total employment of agricultural sector in the W.P. Kuala Lumpur in 2023 was recorded 276 persons, presenting 171 persons (62.0%) by individual holdings and 105 persons (38.0%) by establishment holdings. 59.8 per cent or 165 persons were active owners and business partners, followed by 65 persons of salaried employees (23.6%). The remaining 46 persons (16.7%) were unpaid family workers. The average annual salaries and wages was amounted RM23,236.

The total employment in the agricultural sector in the W.P. Labuan was recorded 2,454 persons in 2023, with 2,131 persons (86.8%) engaged by individual holdings and 323 persons (13.2%) in establishment holdings. The active owners and business partners contributed 58.4 per cent or 1,432 persons, followed by 874 persons of salaried employees (35.6%) and 148 persons of the unpaid family workers (6.0%). The average annual salaries and wages was recorded RM19,623.

Meanwhile, employment in the agricultural sector in the W.P. Putrajaya accounted 180 persons, which contributed 136 persons (75.6%) by individual holdings and 44 persons (24.4%) by establishment holdings. The contribution of 57.2 per cent or 130 persons were recorded by active owners and business partners, followed by the unpaid family workers and the salaried employees with the number of 40 persons (22.2%) and 37 persons (20.6%) respectively. The average annual salaries and wages was recorded at RM13,196.

Moving Forward

Based on the Agriculture Census 2024, DOSM has also developed the Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0), which was officiated by the Chief Secretary to the Government, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, on 7 December 2025. This initiative represents a strategic step in transforming the nation's agricultural data management through the development of an integrated smart platform that consolidates census results, administrative data and supply chain information into a comprehensive digital ecosystem.

The agricultural sector in the Federal Territories exhibits unique and dynamic characteristics within an urban environment where land availability is limited, yet rich in potential for innovation and value creation. As such, the sector's development must be driven by technology-based transformation, including smart farming, fertigation systems, vertical farming, and automation, to enhance productivity and attract greater participation from youth and urban communities. At the same time, high-potential subsectors such as aquaculture and capture fisheries should be further strengthened through strategic investments, value chain expansion, and improved market access. Small-scale agricultural activities should also continue to be empowered as a community-based model that supports food security, social well-being, and environmental sustainability. The utilisation of granular data from the Agricultural Census 2024, together with the TaniStats 2.0, will enable more precise, evidence-based, and targeted policy planning and implementation. This will enhance the efficiency of resource allocation and the impact of development programmes, positioning the agricultural sector in the Federal Territories as a modern, competitive, inclusive, and sustainable urban agriculture ecosystem.

The Agriculture Census is conducted once every ten years to ensure that the data remains relevant and reflective of the structure of the national agriculture sector.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “***Data Nadi Ekonomi Rakyat***”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st November 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding

of patterns and changes in the agriculture sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 APRIL 2026**

TABLE 1: INCOME OF THE THREE MAIN AGRICULTURAL ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, WILAYAH PERSEKUTUAN, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	TOTAL INCOME (RM million)	MAIN ACTIVITY	MAIN ACTIVITY INCOME (RM million)	SECOND ACTIVITY	SECOND ACTIVITY INCOME (RM million)	THIRD ACTIVITY	THIRD ACTIVITY INCOME (RM million)
W.P. Kuala Lumpur	32.32	Aquaculture	22.89	Forestry & Logging	5.20	Vegetables	2.81
W.P. Labuan	247.14	Fisheries	217.16	Livestocks	9.39	Fruits	9.14
W.P. Putrajaya	2.01	Vegetables	1.21	Other Crops	0.28	Fruits	0.22

TABLE 2: EXPENDITURE OF THE THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, WILAYAH PERSEKUTUAN, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	TOTAL EXPENDITURE (RM million)	MAIN ACTIVITY	MAIN ACTIVITY EXPENDITURE (RM million)	SECOND ACTIVITY	SECOND ACTIVITY EXPENDITURE (RM million)	THIRD ACTIVITY	THIRD ACTIVITY EXPENDITURE (RM million)
W.P. Kuala Lumpur	8.98	Aquaculture	4.25	Forestry & Logging	3.05	Vegetables	1.02
W.P. Labuan	137.15	Fisheries	123.46	Livestocks	6.35	Fruits	3.57
W.P. Putrajaya	0.77	Vegetables	0.37	Other Crops	0.18	Pineapple	0.11

**Exhibit 1: Key Parameters of The Agricultural Sector,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2023**





Exhibit 2: Main Parameter of Employment and Salaries & Wages Agriculture Sector, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2023



**Exhibit 3: Key Parameters of The Agricultural Sector,
Wilayah Persekutuan Labuan, 2023**





Exhibit 4: Main Parameter of Employment and Salaries & Wages Agriculture Sector, Wilayah Persekutuan Labuan, 2023



**Exhibit 5: Key Parameters of The Agricultural Sector,
Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2023**




Exhibit 6: Main Parameter of Employment and Salaries & Wages Agriculture Sector, Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2023

